

# HADIS STUDIES IN KUANTAN, PAHANG MOSQUES: A PRELIMINARY OVERVIEW

## PENGAJIAN HADIS DI MASJID-MASJID KUANTAN, PAHANG: SATU TINJAUAN AWAL

<sup>1</sup>Nuri Sazana Murtam, <sup>2</sup>Siti Noraeshah Zakaria, <sup>3</sup>Mohamad Fathi Mohd Yunos

<sup>1</sup> Calon Sarjana Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

<sup>2</sup> Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

<sup>3</sup> Calon Sarjana Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

### Abstract

*The study of the Quran is very popular among the Muslim Community in Kuantan because of its importance in understanding the meaning contained in the Quran. However, Hadith also plays an important role in understanding the knowledge and the meaning contained in the Quran. This is because Hadith also is one of the main sources in Islam alongside with the Quran. Therefore, the purpose of this research being conducted was to see if the study of Hadith being exposed to Muslim community in Kuantan in the same way as other Quranic studies as well as revealing the role and importance of having a knowledge regards to the Hadith. The method used in this research was based on the field studies. The results from the study conducted among Muslim community in Kuantan shown that they have been exposed to the study of Hadith, be it adults, teenagers, and even kids.*

**Keyword:** Hadith studies, mosque

### Abstrak

Pengajian al-Quran sangat mendapat sambutan yang banyak dalam kalangan masyarakat Islam di Kuantan kerana kepentingannya yang amat jelas dalam memahami maksud dan kehendak yang terkandung dalam al-Quran. Walaubagaimanapun, pengajian hadis juga turut memainkan peranan yang penting bagi memahami ilmu dan maksud yang terkandung dalam al-Quran. Hal ini kerana al-Quran dan al-Hadis merupakan sumber terpenting di dalam Islam dan ianya tidak boleh dipisahkan. Justeru, kajian ini dilakukan bagi melihat adakah pengajian hadis didedahkan kepada masyarakat di kuantan sepertimana pengajian-pengajian ilmu al-Quran yang lainnya serta mendedahkan peranan dan kepentingan ilmu hadis kepada masyarakat. Kajian ini menggunakan metod diduktif berasaskan kajian lapangan. Hasil daripada kajian yang dijalankan masyarakat Islam khususnya di daerah Kuantan telah didedahkan dengan pengajian ilmu hadis yang mana mereka terdiri dari kalangan orang dewasa, remaja dan kanak-kanak.

**Kata kunci:** Pengajian hadis, Masjid

### Penulis Utama:

Nuri Sazana Murtam

Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad Shah,  
Kuantan

### E-mel:

[nurisazana@gmail.com](mailto:nurisazana@gmail.com)

## **PENDAHULUAN**

Ilmu hadis merupakan ilmu yang terpenting di dalam Islam dan ia menjadi sumber kedua yang tidak dapat dipisahkan selepas al-Quran. Ilmu-ilmu yang terkandung dalam al-Quran itu dan kadangkala ia datang dalam bentuk penjelasan yang difahami dan kadangkala datang dalam bentuk yang umum yang perlu kepada penerangan dan penjelasan yang umum. Sebagai contoh, Allah SWT menyuruh hambaNya untuk melakukan solat tetapi dalam al-Quran tidak dijelaskan secara spesifik tatacara solat yang betul, dan adakalanya pula Allah SWT menyuruh hambaNya berzakat tetapi tidak dijelaskan beberapa jumlah nilai yang perlu dizakatkan dan ayat-ayat lainnya yang datang berbentuk umum. Oleh yang demikian, al-hadis yang akan menjelaskan maksud daripada kehendak al-Quran dalam memahami isi kandungan yang terdapat di dalamnya.

## **PERANAN DAN KEPENTINGAN ILMU HADIS**

Sejak zaman Rasulullah SAW sumber atau dalil yang menjadi rujukan kepada hukum Islam hanyalah al-Quran dan al-hadis. Al-Quran hanya menerangkan secara umum dan tidak diperjelaskan lebih mendalam dari sudut maknanya. Al-Quran kekal menjadi sumber rujukan yang pertama bagi menjamin kesempurnaan dari aspek kehidupan manusia, tidak kira masa dan tempat. Al-Quran menyentuh bab akidah, ibadah, adab, akhlak dan sejarah umat-umat terdahulu secara umum sedangkan al-hadis menerangkan maknanya dari al-Quran.

Tugas Rasulullah SAW bukan sahaja menyampaikan wahyu dari Allah, tetapi baginda juga diperintah untuk menjelaskan dan menerangkan isi kandungan al-Quran sama ada dengan cara menghurai atau mentafsirkan maksudnya dengan lebih terperinci. Tambahan pula, al-hadis turut menjadi penyokong dan penguat kepada al-Quran atau penjelas kepada kesamaran yang terdapat dalam al-Quran.

Oleh itu, sangat jelaslah bahawa al-hadis memainkan peranan yang sangat penting dalam perundangan Islam sehingga digunapakai oleh ulama-ulama mujtahid pada zaman sahabat sehingga zaman kini bagi menyelesaikan masalah ummah dalam ilmu fekah. Ini bermaksud, apabila kita menerima al-Quran sebagai suatu kewajiban, maka menerima al-hadis juga adalah kewajiban di dalam Islam serta kedua-duanya mestilah seiring sebagai rujukan dan panduan hidup kerana keduanya merupakan sumber kehidupan umat Islam.

## **KITAB-KITAB HADIS YANG DIGUNAKAN DALAM PENGAJIAN ILMU HADIS**

Pengajian hadis di Malaysia telah mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat awam dengan mendalami dan mempelajarinya melalui pengajian-pengajian yang sedia ada di masjid-masjid secara tidak formal oleh para asatizah yang mengajar. Antara kitab-kitab yang digunakan di dalam pengajian ilmu hadis ialah:

- 1 – Mukhtasar Sahih Bukhari karya Imam al-Bukhari
- 2 – Mukhtasar Sahih Muslim karya Imam Muslim
- 3 – Bahrul Mazi karya Imam al-Tirmizi
- 4 – Riyadus Solihin karya Imam an-Nawawi
- 5 – Syamail Muhammadiyah karya Imam al-Tirmizi
- 6 – Mukhtasar Ibn Abi Jamrah
- 7 – 40 Hadith Imam an-Nawawi dan lain-lain.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan oleh penulis bahawa masyarakat Islam di masjid-masjid daerah Kuantan telah didedahkan dengan pengajian ilmu hadis sama ada dalam kalangan orang dewasa, remaja dan kanak-kanak. Pengajian ilmu hadis telah menjadi satu modul dan silibus penting yang dipelajari oleh masyarakat Islam di Malaysia khususnya di Kuantan kerana tanpa ilmu hadis manusia tidak akan mampu mengetahui dan memahami tatacara, hukum hakam yang berbentuk halal dan haram, suruhan dan larangannya secara jelas dalam pensyariatan Islam. Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap hadis juga harus diketengahkan kepada masyarakat Islam dalam memahami sunnah Rasulullah SAW agar ianya tidak disalah ertikan oleh sebahagian masyarakat ketika beramal dengannya. Justeru, kajian-kajian berkaitan pemahaman hadis dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di Kuantan amat perlu dijalankan dan dilaksanakan.

## **RUJUKAN**

- Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, darul ibnu kathir, damsyyik Beirut.
- Al-Khatib, Muhd ‘Ajjaj (1988), al-Sunnah Qabl al-Tadwin, Maktabah Umm al-Qura li al-Tiba’ah wa al-Nasyr.
- Ahmad Yunus Mohd Noor & Qutrennada Rosli, 2017, perkembangan metodologi pengajaran dan pembelajaran hadith di negeri Kedah, *Journal of Hadith Studies* Vol. 2 No. 2, Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maulana Muhammad Ilyas Bin Temrin & Mohd Akil Muhamed Ali, 2017, Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia, *Jurnal al-Turath*; Vol. 2, No. 1, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Amru bin Isa & Najah Nadiyah Amran, 2017, Pengajian Hadith di Masjid Malaysia, *Fikiran Masyarakat*, Vol. 5, No. 1, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Muhiden Bin Abd Rahman, 1996, Al-Hadith : Kedudukan dan Peranannya dalam Islam, *Jurnal Usuluddin*, Universiti Malaya.
- Nur Syahadah Mohamed Mohd Akil Muhamed Ali, 2016, *Islamiyyat* 38(2), Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pelajar terhadap Pengajian Hadith di Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor, 2015, prosiding kolokium antarabangsa siswazah pengajian Islam (KASPI), Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.